

Keperluan Umat Islam Terhadap Kesederhanaan (Wasatiyah) Dalam Senario Masa Kini

(حاجة المسلمين إلى الوسطية في الواقع المعاصر)

Oleh: Datuk Dr. Zulkifli bin Mohamad al-Bakri

Abstrak

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT, selawat dan salam kepada junjungan besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga baginda SAW, sahabat baginda SAW serta orang-orang yang mengikuti jejak langkah baginda SAW.

Islam merupakan sebuah agama yang mementingkan kesederhanaan dalam semua perkara bukan sahaja di dalam urusan dunia, bahkan di dalam urusan agama juga. Dewasa ini, tidak dinafikan telah wujud beberapa golongan yang dilihat membawa masyarakat Islam khususnya ke dalam kesempitan dan juga keluasan yang tidak dihadkan terutama di dalam urusan agama. Tambahan pula, al-Quran dan al-Sunnah telah menganjurkan sikap kesederhanaan sejak dahulu lagi kerana syariat ini bersifat anjal mengikut kesesuaian masa dan tempat.

Antara punca utama kegagalan konsep wastiyah atau kesederhanaan ini adalah wujudnya sikap melampau, berlebih-lebihan, cuai (bermudah-mudah), kekerasan dan lain-lain lagi di dalam diri mereka dan ini semua berpunca daripada kejahilan mereka sendiri serta mereka memahami Islam itu dengan cara yang salah tidak seperti yang dianjurkan di dalam al-Quran dan al-Sunnah.

Akhirnya, kita perlulah balik semula kepada pemahaman yang sebenar sebagaimana yang dijelaskan di dalam al-Quran dan al-Sunnah. Di samping, melihat kembali sejarah para rasul dan juga para salaf soleh dalam mengaplikasikan konsep wastiyah atau kesederhanaan ini dalam kehidupan mereka agar terhindar daripada segala anasir-anasir yang tidak baik.

Mukadimah

Islam merupakan satu agama yang amat mementingkan dan menitikberatkan konsep kesederhanaan di dalam kehidupan. Setiap manusia khususnya umat Islam pada hari ini amat memerlukan konsep ini di dalam kehidupan mereka. Ini kerana, kesederhanaan di dalam setiap perkara akan melahirkan atau mencorakkan kesempurnaan agama itu. Tambahan pula, hal ini dijelaskan oleh Allah SWT sebagaimana firman-Nya:

وَكَذَلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا

al-Baqarah : 143

Maksudnya: “Dan demikianlah (sebagaimana Kami telah memimpin kamu ke jalan yang lurus), Kami jadikan kamu (wahai umat Muhammad) satu umat yang terpilih lagi adil.”

Imam al-Tabari berkata: *“Aku melihat bahawa Allah SWT menggelarkan umat Islam sebagai umat pertengahan disebabkan sifat pertengahan mereka di dalam urusan agama. Mereka ini (umat Islam) tidak melampau seperti mana melampaunya golongan Nasrani dalam memuji Nabi Isa dan menuduh Nabi Isa dengan mengatakan sesuatu perkara yang baginda tidak menyatakannya. Mereka ini (umat Islam) juga tidak bersikap mengurangkan (sesat) sepertimana sikap golongan Yahudi yang telah mengubah kitab Allah, membunuh para nabi mereka, berdusta kepada Tuhan mereka serta kufur kepada-Nya. Akan tetapi, umat Islam merupakan golongan yang sederhana dan adil maka disebabkan itu Allah gambarkan mereka sedemikian. Ini kerana, perkara-perkara yang paling disukai oleh Allah adalah yang paling sederhana.” [Lihat: Tafsir al-Tabari, 627/2]*

Perkara yang sama juga dinyatakan oleh al-Imam Izz bin Abd al-Salam ketika menafsirkan ayat di atas bahawa Allah SWT telah memilih umat ini (umat Islam) sebagai satu umat terpilih disebabkan kesederhanaan mereka di dalam agama berbanding Yahudi dan juga Nasrani. Golongan Nasrani telah melampau dalam isu al-Masih dan mereka menyembahnya. Adapun golongan Yahudi pula telah sesat dengan mengubah al-Kitab dan juga membunuh para nabi. Selain itu, mereka juga telah berdusta kepada Allah. [Lihat: Tafsir al-Quran, 168/1]

Justeru, kita memahami bahawa Allah SWT telah memuliakan kita dengan menjadikan kita sebagai umat yang terpilih berbanding umat-umat yang lain dan menamakan kita sebagai satu umat umat pertengahan, terpilih dan adil serta akan menjadi saksi kepada umat-umat yang lain di akhirat kelak. Dalam konteks bernegara pula, prinsip kesederhanaan dalam segenap bidang kehidupan amatlah penting bagi mewujudkan satu suasana yang harmoni. Selain itu juga, ini menggambarkan kepada kita bahawa keperluan umat Islam terhadap konsep kesederhanaan ini dalam mendepani senario masa kini yang penuh dengan ujian dan cabaran.

Definisi Kesederhanaan (Wasatiyah)

Sebelum kita membahaskan berkaitan keperluan atau keberhajatan umat Islam kepada kesederhanaan. Ada baiknya jika kita cuba memahami terlebih dahulu apakah yang dimaksudkan dengan kesederhanaan ini (wasatiyah) agar ia tidak disalah erti.

Dari sudut bahasa “Wasatiyah” berasal daripada “وَسَطٌ” iaitu bermaksud adil. *[Lihat: Mukhtar al-Sihhah, 338]*. Makna ini juga difahami oleh sebahagian para ulama’, antaranya ialah Imam Fakhr al-Din al-Razi di dalam al-Tafsir al-Kabir:

إِنَّمَا سُمِّيَ الْعَدْلُ وَسَطًا لِأَنَّهُ لَا يَمِيلُ إِلَى أَحَدِ الْخَصْمَيْنِ، وَالْعَدْلُ هُوَ الْمُعْتَدِلُ
الَّذِي لَا يَمِيلُ إِلَى أَحَدِ الطَّرَفَيْنِ

“Dinamakan wasatiyyah itu sebagai adil kerana ianya tidak cenderung antara dua perkara (pertengahan), adil itu adalah orang yang bersikap tidak cenderung kepada salah satu sudut.” [Lihat: Tafsir Mafatih al-Ghaib, 84/4]

Ibn Faris pula di dalam kitabnya Mu’jam Maqayis al-Lughah menyatakan perkataan wasat merujuk kepada makna adil dan pertengahan. *[Lihat: Mu’jam Maqayis al-Lughah, 108/6]*

Dari sudut istilah pula, Imam Ibn al-Qayyim di dalam kitabnya, Madarij al-Salikin menjelaskan maksud konsep wasatiyah dengan pengertian ini:

“Suatu perkara yang diperintahkan oleh Allah terdapat dua jenis hasutan oleh syaitan, sama ada supaya melampau atau supaya mencuaikannya. Agama Allah

adalah bersifat wasat (pertengahan) antara golongan yang sangat cuai dan sangat melampau. Ia seperti satu lembah antara dua bukit, satu petunjuk yang berada antara dua kesesatan, dan satu pertengahan antara dua penjuru yang dikeji.” [Lihat: Madarij al-Salikin, 464/2]

Justeru, kami katakan bahawa wasatiyah adalah suatu pendekatan bagi tujuan mengamalkan ajaran Islam secara berimbang. Untuk itu, konsep Wasatiyyah ini berada di antara dua iaitu konsep bermudah-mudah dan juga konsep kekerasan. Tambahan pula, sikap adil dan wasatiyah ini merupakan manhaj yang benar dan juga manhaj para nabi serta pengikut mereka. Selain itu, sikap ini juga merupakan manhaj para salaf setelah munculnya golongan-golongan yang melampau dan sesat.

Islam Merupakan Agama Kesederhanaan (Wasatiyah)

Agama Islam merupakan sebuah agama yang mementingkan kesederhanaan ini dalam semua perkara seperti perkara yang melibatkan aqidah, ibadah, akhlak dan juga mawaqif. Berikut adalah beberapa bukti bahawa agama Islam merupakan agama Wasatiyah:

- Wasatiyah Di Dalam Perkara Aqidah

Antara contoh yang boleh kita ambil kesederhanaan yang ditunjukkan oleh Islam pada membicarakan perkara berkaitan sahabat Nabi SAW. Kita semua ketahui dan maklum bahawa di sana terdapat golongan yang dinamakan Khawarij yang mana mereka ini mengkafirkan para sahabat Nabi SAW sehinggalah ke tahap menghalalkan darah mereka.

Di samping itu juga, terdapat satu lagi golongan yang dinamakan al-Rafidah yang mana mereka ini melampau dalam memuji sahabat Nabi SAW sehingga mengangkat sahabat Nabi SAW kepada satu tahap yang tidak sepatutnya seperti mengatakan Saidina Ali RA dan ahli keluarganya lebih mulia daripada Abu Bakar dan Umar R.anhuma.

Adapun Ahli Sunnah manhaj mereka adalah bersederhana pada hal yang melibatkan sahabat Nabi SAW. Mereka tidak mengkafirkan seorang pun daripada para sahabat Nabi SAW, bahkan meletak mereka pada satu tempat yang berhak buat mereka. Selain itu, para sahabat Nabi SAW ini dikasihi dan didoakan kepada mereka dengan keredhaan serta menganggap mereka ini adalah golongan yang terbaik selepas daripada para nabi dan rasul tanpa melampau mengasihi salah seorang daripada mereka sebagaimana yang dilakukan oleh golongan Syiah. Ini menunjukkan akan kesederhanaan atau wasatiah Islam dalam perkara melibatkan sahabat Nabi SAW dengan tidak mengkafirkan salah seorang daripada mereka dan tidak pula melampau dalam memuji salah seorang daripada mereka.

- Wasatiah Di Dalam Perkara Ibadah

Apabila Allah SWT mensyariatkan sesuatu ibadah kepada hamba-Nya maka pada waktu yang sama Allah SWT juga menginginkan kemudahan dan kesederhanaan ketikamana ibadah itu dilaksanakan. Terdapat sebuah hadith yang menunjukkan tuntutan kesederhanaan serta larangan bersikap melampau di dalam ibadah.

Daripada Anas bin Malik R.A berkata: Telah datang tiga orang lelaki ke rumah isteri-isteri Nabi SAW untuk bertanya tentang ibadah Nabi SAW. Setelah mereka diberitahu, mereka menganggap ibadahnya adalah sedikit. Lalu mereka berkata, “Kita ini tidak jauh beza jika dibandingkan dengan Nabi SAW! Baginda SAW telah diampunkan dosa-dosanya samada yang telah lalu ataupun yang akan datang.” Berkata salah seorang daripada mereka: “Adapun aku, sesungguhnya aku akan bersolat sepanjang malam selama-lamanya.” Berkata yang lain juga: “Aku akan berpuasa sepanjang tahun tanpa berbuka.” Berkata seorang lagi: “Aku pula akan menjauhi wanita dengan tidak akan menikah selama-lamanya.” Maka telah datang Rasulullah SAW kepada mereka lalu bersabda:

أَنْتُمْ الَّذِينَ قُلْتُمْ كَذَا وَكَذَا، أَمَا وَاللَّهِ إِنِّي لِأَخْشَاكُمُ لِلَّهِ وَأَتْقَاكُمُ لَهُ، لَكِنِّي أَصُومُ وَأُفْطِرُ، وَأُصَلِّي وَأَرْفُدُ، وَأَتَزَوَّجُ النِّسَاءَ، فَمَنْ رَغِبَ عَن سُنَّتِي فَلَيْسَ مِنِّي

Maksudnya: “Benarkah kamu yang telah berkata begitu dan begini? Adapun demi Allah! Sesungguhnya aku adalah orang yang paling takut kepada Allah dan paling bertaqwa kepada-Nya. Akan tetapi aku berpuasa dan aku juga berbuka (tidak puasa), aku solat (malam) dan aku juga tidur dan aku juga menikahi wanita. Maka, barangsiapa yang tidak menyukai sunnahku, maka mereka bukanlah daripada umatku.” [Riwayat al-Bukhari (5063)]

Hadith ini menunjukkan tuntutan kesederhanaan di dalam ibadah dan kesederhanaan ini juga diamalkan dan dilakukan oleh Rasulullah SAW walaupun Baginda SAW telah dijanjikan syurga oleh Allah SWT.

- Wasatiyah Di Dalam Akhlak

Akhlak juga memerlukan kesederhanaan sebagaimana firman Allah SWT apabila menceritakan berkaitan sikap seseorang yang bersedekah perlulah bersederhana. Firman Allah SWT:

وَالَّذِينَ إِذَا أَنْفَقُوا لَمْ يُسْرِفُوا وَلَمْ يَقْتُرُوا وَكَانَ بَيْنَ ذَلِكَ قَوَامًا

al-Furqan : 67

Maksudnya: “Dan juga mereka (yang diredhai Allah itu ialah) yang membelanjakan hartanya, tiadalah melampauai batas dan tidak bakhil (kedekut). (Sebaliknya) perbelanjaan mereka adalah betul sederhana di antara kedua-duanya (boros dan bakhil).”

Kata Imam Ibn Kathir ayat ini bermaksud mereka tidak membazir dalam berinfaq iaitu dengan membelanjakan lebih daripada hajat dan tidak pula bakhil terhadap ahli keluarganya iaitu dengan mengurangkan hak mereka serta keperluan mereka tidak mencukupi. Bahkan sepatutnya mereka berbelanja dengan sederhana dan . Ini kerana, sebaik-baik perkara adalah yang paling sederhana. *[Lihat: Tafsir Ibn Kathir, 112/6]*

Mengapa Umat Islam Berhajat Kepada Kesederhanaan

Konsep wasatiyah atau kesederhanaan ini merupakan penyelamat atau jalan yang terbaik kepada masyarakat Islam dalam menempuh era yang penuh dengan cubaan

dan tribulasi ini. Tambahan pula, konsep ini sahaja yang dilihat mampu untuk menyelamatkan manusia daripada tersasar jauh dari jalan yang benar atau dari segala musibah yang berlaku. Lebih-lebih lagi sekarang ini kita berada di akhir zaman yang penuh dengan fitnah dan onar.

Selain itu, punca utama yang dihadapi oleh umat Islam pada masa kini adalah setiap isu atau perkara itu ditangani dengan dua acara iaitu kejumudan atau bermudah-mudah sehingga mengabaikan perkara-perkara yang sepatutnya. Contohnya adalah seperti memberatkan sesuatu perkara atau terlalu memudahkan dalam sesuatu perkara.

Golongan seperti ini memilih untuk mnyempitkan dan menyukarkan pengamalan syariat dan mereka juga tidak boleh menerima bahawa sifat syariat ini penuh dengan keanjalan mengikut peredaran masa dan tempat.

Jika sesebuah negara itu berada dalam situasi seperti ini, maka ini akan mewujudkan satu suasana yang tidak baik atau bibit-bibit perpecahan akan mula muncul. Ini kerana, agama atau syariat itu dilihat menyukarkan atau sebaliknya.

Oleh yang demikian, telah menjadi kewajipan kepada para alim ulama' untuk mencontohi sikap para rasul dalam menyampaikan risalah iaitu dengan menerapkan konsep kesederhanaan serta dalam masa yang sama membanteras segala bentuk penyelewengan di dalam agama yang tidak didasarkan kepada ilmu yang sebenarnya. Di sini kami nyatakan di antara kebaikan yang bakal dikecapi jika konsep kesederhanaan ini dapat direalisasikan dalam sesebuah masyarakat atau negara:

Mendapatkan Keredhaan Allah

Mencari dan meraih keredhaan adalah tujuan utama seseorang muslim dalam melakukan sesuatu perkara. Sikap ini berbeza dengan apa yang dilakukan oleh golongan munafiq sepertimana yang dinyatakan oleh Allah SWT di dalam al-Quran:

يَحْلِفُونَ بِاللَّهِ لَكُمْ لِيُرْضَوْكُمْ وَاللَّهُ وَرَسُولُهُ أَحَقُّ أَنْ يُرْضَوْهُ إِنْ كَانُوا مُؤْمِنِينَ

Al-Taubah : 62

Maksudnya: “Mereka bersumpah kepada kamu dengan nama Allah untuk mendapat keredhaan kamu, padahal Allah dan Rasul-Nya jualah yang lebih berhak bagi mereka untuk mendapatkan keredhaan-Nya, jika betul mereka orang-orang yang beriman.”

Konsep kesederhanaan ini adalah merupakan konsep yang diterapkan oleh al-Quran dan juga Nabi SAW. Maka dengan itu, kita ketahui bahawa konsep ini merupakan salah satu konsep yang diredhai oleh Allah SWT.

Merealisasikan Konsep Ibadah Kepada Allah SWT

Dalam beribadah kepada Allah SWT, kita perlulah menjauhi segala sikap-sikap yang boleh menafikan konsep ibadah yang sebenar kepada Allah SWT seperti sikap melampau, berlebihan, bermudah-mudah dan sebagainya. Akan tetapi, ibadah ini memerlukan itqan (tekun) agar setiap perkara yang dilakukan itu berkualiti. Ini kerana, Allah SWT mencipta makhluk-Nya dengan sebaik-baik kejadian sebagaimana firman-Nya:

صُنِعَ اللَّهُ الَّذِي أَتَقَنَ كُلَّ شَيْءٍ

Al-Naml:88

Maksudnya: “(Demikianlah) perbuatan Allah yang telah membuat tiap-tiap sesuatu dengan serapi-rapi dan sebaik-baiknya.”

Berdasarkan ayat di atas, kita juga dituntut untuk itqan atau tekun dalam setiap perkara yang kita lakukan. Sifat tekun ini merupakan satu lambang atau tanda keislaman seseorang.

Mengekalkan Keamanan Dan Kesejahteraan

Keamanan sesebuah negara itu akan kekal selagimana sesuatu masyarakat itu memahami konsep kesederhanaan ini serta mengurangkan pertelingkahan dalam perkara-perkara yang tidak sepatutnya. Hal ini juga, akan melahirkan dan merealisasikan kesemua maqasid al-Syariah seperti menjaga agama, diri, harta, zuriat dan akal. Ini kerana, kesemua maqasid ini tidak akan terhasil dalam keadaan sesebuah negara itu tidak aman. Islam adalah satu agama yang rahmat dan mementingkan keamanan kerana itu adalah janji Allah SWT kepada kita di dalam kitab-Nya:

وَعَدَ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا مِنكُمْ وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ لَيَسْتَخْلِفَنَّهُمْ فِي الْأَرْضِ كَمَا
اسْتَخْلَفَ الَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ وَلَيُمَكِّنَنَّ لَهُمْ دِينَهُمُ الَّذِي ارْتَضَىٰ لَهُمْ وَلَيُبَدِّلَنَّهُم مِّن
بَعْدِ خَوْفِهِمْ أَمْنًا يَعْبُدُونَنِي لَا يُشْرِكُونَ بِي شَيْئًا وَمَن كَفَرَ بَعْدَ ذَلِكَ فَأُولَٰئِكَ
هُمُ الْفَاسِقُونَ

Al-Nur : 55

Maksudnya: “Allah telah menjanjikan kepada orang-orang yang beriman dan beramal soleh daripada kalangan kamu (wahai umat Muhammad) bahawa Dia akan menjadikan mereka khalifah-khalifah yang memegang kuasa pemerintahan di bumi, sebagaimana Dia telah menjadikan orang-orang yang sebelum mereka khalifah-khalifah yang berkuasa dan Dia akan menguatkan serta mengembangkan agama mereka (Islam) yang telah direndhai-Nya untuk mereka. Dan Dia juga akan menggantikan bagi mereka keamanan setelah mereka mengalami ketakutan (daripada ancaman musuh). Mereka terus beribadah kepada-Ku dengan tidak mempersekutukan sesuatu yang lain dengan-Ku. Dan (ingatlah) sesiapa yang kufur ingkar sesudah itu, maka mereka itulah orang-orang yang derhaka.”

Menzahirkan Keindahan Islam

Konsep wasatiah atau kesederhanaan ini akan menzahirkan nilai-nilai murni yang terdapat dan dianjurkan oleh Islam. Ini kerana, dakwah dengan menunjukkan akhlak yang terpuji sebagaimana yang dikehendaki oleh Islam sudah cukup untuk meyakinkan golongan bukan Islam terhadap Islam. Antara firman Allah SWT yang menunjukkan bahawa Islam amat menitikberatkan keindahan akhlak adalah:

ادْفَعْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ فَإِذَا الَّذِي بَيْنَكَ وَبَيْنَهُ عَدَاوَةٌ كَأَنَّهُ وَلِيٌّ حَمِيمٌ

Fussilat : 34

Maksudnya: “Tolaklah (kejahatan yang ditujukan kepadamu) dengan cara yang lebih baik. Apabila kamu melakukan sedemikian, maka orang yang menaruh rasa permusuhan terhadapmu dengan serta merta akan menjadi seolah-olah seperti seorang sahabat karib (buatmu).”

Perkara-Perkara Yang Bertentangan Dengan Konsep Kesederhanaan

Antara perkara yang berlawanan dengan sikap kesederhanaan adalah:

Sifat Melampau (غلو)

Islam merupakan agama yang bersifat dengan sederhana iaitu tidak memberatkan dan juga tidak terlalu memudahkan kepada penganutnya. Ini juga merupakan keindahan Islam berbanding agama-agama lain yang sebahagiannya bersifat terlalu keras di dalam sesuatu perkara.

Terdapat beberapa hadith yang menunjukkan larangan untuk seseorang itu bersifat melampau dalam beragama. Antaranya adalah:

- Daripada Abdillah bin Mas'ud RA, bahawa Nabi SAW bersabda sebanyak tiga kali:

هَلَاكُ الْمُتَنَطِّعُونَ

Maksudnya: "Musnahlah golongan yang melampau." [Riwayat Muslim (2670)]

Imam al-Nawawi ketika menafsirkan maksud "الْمُتَنَطِّعُونَ" ialah mereka yang terlalu teliti, melampau dan melepasi had atau batasan dalam perkataan dan perbuatan mereka. *[Lihat: al-Minhaj fi Syarh Sahih Muslim, 220/16]*

Selain itu juga, di dalam Sahih al-Bukhari terdapat sebuah hadith yang melarang perbuatan menyukarkan dalam perkara agama kerana sikap atau sifat akan membuatkan seseorang itu tewas dengan dirinya sendiri.

- Daripada Abu Hurairah RA, bahawa Nabi SAW bersabda:

إِنَّ الدِّينَ يُسْرٌ، وَلَنْ يُشَادَّ الدِّينَ أَحَدٌ إِلَّا غَلَبَهُ

Maksudnya: "Sesungguhnya agama itu mudah, janganlah seseorang daripada kamu menyukarkan (menyulitkan urusan agama itu) melainkan kamu akan tewas." [Riwayat al-Bukhari (39)]

Imam Ibn Hajar al-‘Asqalni berkata hadith ini menunjukkan tanda antara tanda-tanda kenabian. Ini kerana, apabila melihat kepada manusia sebelum daripada kita bahawa setiap yang melampau dalam agama pasti akan terhenti. Selain itu, ini tidak menunjukkan halangan dalam mencari kesempurnaan di dalam beribadah kerana itu merupakan perkara yang terpuji. Bahkan, hadith ini melarang bersikap melampau yang boleh membawa kepada lesu (malas) atau berlebih-lebih dalam perkara yang sunat sehingga membawa kepada meninggalkan yang afdhal atau mengeluarkan perkara yang fardhu itu daripada waktunya (terlepas waktu). *[Lihat: Fath al-Bari fi Syarh Sahih al-Bukhari, 94/1]*

Tambahan pula, di dalam kitab Taudhih Usul al-Fiqh ‘ala Manhaj Ahli al-Hadith terdapat satu kaedah di sisi ahli hadith iaitu kaedah yang ke 16:

يَجِبُ تَفْسِيرُ الدَّلِيلِ وَفَهْمُهُ بِاعْتِدَالٍ مِنْ غَيْرِ إِفْرَاطٍ وَلَا تَفْرِيطٍ

Maksudnya: “Perlu menafsir dalil dan memahaminya dengan cara sederhana tanpa melampau dan tidak pula terlalu longgar.” [Lihat: Taudhih Usul al-Fiqh, 61]

Sikap Berlebihan (إفراط)

Agama ini tidak mengajar umatnya untuk berlebihan atau gopoh dalam sesuatu perkara kerana sikap seperti ini akan mendatangkan banyak keburukan berbanding manfaat. Perkara ini juga ditegaskan oleh Allah SWT di dalam kitab-Nya melalui firman Allah SWT:

قَالَا رَبَّنَا إِنَّا نَخَافُ أَنْ يُفْرِطَ عَلَيْنَا أَوْ أَنْ يَطَّعَىٰ

Taha : 45

Maksudnya: “Mereka berdua berkata: Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya kami takut bahawa ia akan segera menyiksa kami atau ia akan melampaui batas.”

Sikap Mengabaikan Atau Cuai (تفريط)

Selain itu, Islam melarang umatnya daripada bersikap sambil lewa atau tidak mengambil berat dalam melaksanakan sesuatu perkara. Sikap seperti ini akan memusnahkan sesebuah masyarakat atau individu. Hal ini dijelaskan oleh Allah SWT berdasarkan firman-Nya:

أَنْ تَقُولَ نَفْسٌ يَا حَسْرَتِي عَلَىٰ مَا فَرَّطْتُ فِي جَنْبِ اللَّهِ وَإِن كُنْتُ لَمِنَ
السَّآخِرِينَ

Al-Zumar : 56

Maksudnya: “(Diperintahkan) supaya jangan seseorang (menyesal dengan) berkata: Sungguh besar penyesalan dan kekecewaanku kerana aku telah cuai terhadap kewajipan-kewajipanku terhadap Allah serta aku telah menjadi daripada kalangan orang-orang yang sungguh memperolok-olokkan.”

Sikap Keras (الجفاء)

Kita juga perlulah menjauhi sikap keras ini kerana ia juga bertentangan dengan konsep kesederhanaan. Di samping itu, sikap seperti ini akan menggambarkan bahawa agama Islam itu tidak bersifat rahmat sebagaimana yang disebut-sebut.

Penutup

Kesimpulannya, sifat insof (bersederhana atau adil) dalam setiap perkara adalah amat dituntut. Ini kerana, sikap melampau atau terlalu memudahkan akan memberi kesan yang buruk kepada agama serta sesiapa sahaja yang bersifat dengannya. Sebelum kami menutup perbincangan ini, marilah sama-sama kita merenung sebuah hadith Nabi SAW yang diceritakan oleh isteri Baginda tercinta:

Daripada Aisyah RA berkata:

مَا خَيْرَ رَسُولٍ اللَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَيْنَ أَمْرَيْنِ، أَحَدُهُمَا أَيْسَرُ مِنَ
الْآخَرَ، إِلَّا اخْتَارَ أَيْسَرَهُمَا، مَا لَمْ يَكُنْ إِثْمًا، فَإِنْ كَانَ إِثْمًا، كَانَ أَبْعَدَ النَّاسِ
مِنْهُ

Maksudnya: “Apabila Rasulullah SAW disuruh memilih di antara dua perkara, nescaya Baginda SAW akan memilih yang lebih mudah di antara keduanya selama mana ia tidak berdosa. Adapun jika ia adalah berdosa, maka Baginda SAW adalah orang yang paling utama akan meninggalkannya.” [Riwayat Muslim (2327)]

Akhirnya, semoga Allah SWT mengurniakan kita sifat bersederhana dalam melaksanakan setiap perkara serta menjauhkan kita daripada sifat melampau dan bermudah-mudah di dalam urusan agama. Amin.

Wallahua'lam

Akhukum fillah,

Datuk Dr. Zulkifli bin Mohamad al-Bakri